

10 NOV 1997

Parlimen-Gulung (JPM)

PENYIASAT AMERIKA TIDAK BERHAK SIASAT PETRONAS, KATA NAZRI

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Cadangan Amerika Syarikat menghantar pegawai Jabatan Perdagangannya menyasiat pembabitan Petronas dalam urusaniaga dengan Iran mungkin tidak dipersetujui kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mohamed Nazri Aziz berkata Amerika sebenarnya tidak mempunyai hak campurtangan dalam hal ehwal negara ini termasuk yang membabitkan Petronas.

"Jika kita berdagang dengan Iran pun, dia (Amerika Syarikat) tidak berhak campurtangan," katanya ketika menggulung perbincangan Rang Undang-undang Belanjawan 1998 peringkat jawatankuasa yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri di persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Petronas sebelum ini dilaporkan memiliki kepentingan 30 peratus dalam sebuah konsortium untuk memajukan satu kawasan gas di Iran bersama Total SA dari Perancis (40 peratus) dan Gazprom dari Rusia (30 peratus).

Mengenai cadangan menyekat pemberian visa perjalanan kepada penyiasat berkenaan, Mohamed Nazri berkata ia tertakluk di bawah Kementerian dalam Negeri dan beliau tidak boleh menjawab bagi pihak kementerian itu.

Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) yang membangkitkan isu itu berkata Malaysia perlu mengambil langkah tegas menghalang campurtangan AS dalam hal ehwal dalam negara.

Mohamed Nazri berkata Amerika sentiasa menggunakan "double standard" apabila mengambil tindakan terhadap negara lain tidak kira sama ada negara itu mengamalkan demokrasi atau tidak.

"Negara Grenada (sebuah pulau berhampiran Amerika) yang suatu ketika dulu pemimpinnya dipilih rakyat, turut diserang hanya kerana mereka cenderung kepada komunis," katanya memberi contoh.

Isu keselamatan Dewan Rakyat turut ditimbulkan Lim apabila Mohamed Nazri berkata pihak yang menyebarkan pelekat kereta "We Support Dr Mahathir" (kami menyokong Dr Mahathir) di meja anggota Parlimen tidak dapat dikenalpasti.

"Apakah jaminan bahawa anggota Parlimen termasuk pemimpin negara tidak terlepas dari ancaman termasuk ancaman bom di dalam dewan ini," kata Lim.

Mohamed Nazri bagaimanapun berkata soal keselamatan di Dewan Rakyat adalah terjamin.

Mengenai penswastan syarikat perkapalan MISC kepada Petronas, Mohamed Nazri berkata kerajaan berpendapat langkah itu wajar kerana Petronas akan menggunakan kemudahan MISC untuk tujuan mengeksport keluarannya.

"Malah, ia akan memberi sinergi kepada Petronas yang dapat menggunakan kemudahan perkapalan tempatan dan ini menyumbang kepada usaha mengurangkan defisit imbalan pembayaran negara," katanya.

Mengenai tender penswastan MISC dan Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang tidak dilakukan secara terbuka, beliau berkata kerajaan memilih syarikat yang boleh menyumbang kepada masa depan organisasi supaya negara tidak menghadapi kerugian di masa hadapan.

"Jika kita memilih tender yang tinggi untuk penswastan KTM misalnya, ada kemungkinan syarikat yang mengambilnya akan menjual aset terutama tanah kepunyaan KTM tanpa memikirkan cara untuk menaikkan mutu perkhidmatan," katanya.

Persidangan disambung esok. -- BERNAMA

HJ RON